

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**Madrasah As-Siddiqin lancar cawangan Haluan**  
**04 Mar 2011**  
**Harian Metro**  
**Variasi**  
**N/A**  
**Daily**  
**324,097 / 1,981,000**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**V18**  
**238 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**6,844**  
**20,531**



# Madrasah As-Siddiqin lancar cawangan Haluan

**M**ADRASAH As-Siddiqin, Bandar Tasik Puteri, Rawang melancarkan cawangan Pertubuhan dan Hari Relawan Himpunan Lapanan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Haluan), baru-baru ini. Seramai 200 peserta mendaftar sebagai ahli baru bagi cabang di Rawang.

Pelbagai acara diadakan sempena kuliah mingguan Dhuha, termasuk pameran dan jualan buku, pemeriksaan kesihatan, kaunter pendaftaran Tabung Haji (TH) dan jualan produk perubatan tradisional.

Turut hadir, Yang Di Pertua Haluan Selangor, Ir Abdul Aziz Mohd Ali.

Pengerusi Madrasah As-Siddiqin, Harun Abdul Rahman, berkata ahli masyarakat perlu memberi kerjasama program yang diadakan setiap malam.

"Setiap malam, madrasah ini mengadakan ceramah selepas solat maghrib dengan menjemput penceramah berwibawa untuk menyampaikan ilmu agama.

"Hanya dengan mendekati diri dengan majlis ilmu, kita dapat membentuk sahsiah diri dan menyelamatkan diri daripada unsur kejahatan," katanya.

Katanya, Haluan ditubuhkan pada 1983 dan kini diperluaskan kepada semua peringkat usia.



**ULAT BUKU...**pengunjung memilih bahan bacaan meningkatkan kefahaman agama.



**BARIS...**orang ramai beratur untuk mendaftar di kaunter Tabung Haji.